

Polisi Pemberi Maklumat MATRADE, Jalankan Tanggungjawab Anda

MATRADE telah mewujudkan Polisi Pemberi Maklumat (*Whistleblower Policy*) bagi menyalurkan maklumat kelakuan tidak wajar dan mengesan unsur-unsur salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan pelanggaran etika organisasi oleh warga MATRADE.

Polisi ini memberi peluang kepada warga MATRADE/ orang awam untuk mendedahkan sebarang kelakuan yang tidak beretika atau penyelewengan menurut prosedur yang disediakan di bawah polisi ini dan memberi perlindungan kepada warga MATRADE atau pihak berkaitan yang melaporkan dakwaan tersebut.

Maklumat lanjut berkenaan Pekeliling Dalaman Integriti Bilangan 3 Tahun 2019 (Garis Panduan Pelaksanaan Polisi Pemberi Maklumat) boleh klik di pautan ini:

<https://bubble.matrade.gov.my/index.php/s/iSyeT6XtTqEmPqW>

JALANKAN TANGGUNGJAWAB ANDA SEBAGAI WARGA MATRADE LAPORKAN SALAH LAKU



Jenis-jenis kesalahan yang boleh dilaporkan:



SALAH LAKU JENAYAH
(contoh: penipuan, pemalsuan dokumen, membocorkan dokumen/maklumat rasmi, sogokan dan lain-lain).



PELANGGARAN TATAKELAKUAN
(contoh: berkelakuan tidak senonoh di khalayak ramai, cuai, tidak bertanggungjawab, keluar negeri tanpa kebenaran Ketua Jabatan, menerima hadiah yang ada kaitan dengan tugas rasmi dan lain-lain)



ETIKA ORGANISASI
(contoh: tidak mematuhi peraturan pakaian semasa bekerja, tidak mematuhi waktu bekerja, tidak mematuhi waktu minum pagi/makan tengah hari yang dibenarkan, tidak mematuhi tatacara kewangan dan lain-lain).

Salurkan aduan anda melalui:

- Secara lisan, **hadir ke Unit Integriti**; atau
- Secara bertulis, **menggunakan Borang U1/06**
Kepada :
 - i. Pengurus Kanan
Unit Integriti, Tingkat 21,
East Wing, Menara MATRADE,
Jalan Sultan Haji Ahmad Shah,
50480 Kuala Lumpur; atau
 - ii. Email:
whistleblower@matrade.gov.my

**PERLINDUNGAN
KEPADА PEMBERI MAKLUMAT**

Pemberi maklumat akan diberi perlindungan dan identitinya akan dirahsiakan, selaras dengan Pekeliling Dalaman Integriti Bil.3 Tahun 2019, Garis Panduan Pelaksanaan Polisi Pemberi Maklumat MATRADE (Whistleblower Policy).

#integriti14/2022